

# Tempoh bayar balik mungkin dilanjut

UM 5.11.1986

Oleh Ramli Ismail

**K**ANGAR 29 Okt. — Perdana Menteri, Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad memberi jaminan untuk menimbang bagi melanjutkan tempoh bayaran balik pinjaman perumahan dan kenderaan kakitangan kerajaan berikutan kenaikan kadar faedah dari 4 kepada 6 peratus.

"Perkara itu boleh dipertimbangkan," katanya kepada para pemberita di rumah tetamu di sini malam ini selepas mengadakan perjumpaan tertutup dengan anggota - anggota Barisan Nasional negeri.

Mengenai kenaikan kadar faedah pinjaman tersebut, beliau menjelaskan bahawa kerajaan tidak mampu lagi untuk memberi subsidi yang begitu banyak bagi pinjaman tersebut kerana pada hakikatnya kerajaan tidak mempunyai wang sekarang.

Bagaimanapun katanya pegawai - pegawai dan kakitangan kerajaan masih bernasib baik dibandingkan dengan orang - orang lain yang membuat pinjaman perumahan dengan membayar faedah hingga 14 peratus dengan kadar utama yang dikenakan oleh bank-bank sekarang ialah sebanyak 11 peratus.

Menurutnya, walaupun kadar faedah pinjaman tersebut dinaikkan dari 4 peratus kepada 6 peratus sekarang, tetapi kerajaan masih terpaksa memberi subsidi sebanyak 5 peratus terhadap pinjaman tersebut.

Begitu juga kerajaan telah memberi subsidi sebanyak 3 peratus bila kadar faedah sebanyak 4 peratus yang dikenakan dulu kerana kadar utama pinjaman yang dikenakan oleh bank-bank ketika itu hanya 7 peratus tetapi sekarang telah meningkat kepada 11 peratus.

Perdana Menteri, meminta setiap kakitangan kerajaan memahami masalah sebenar yang dihadapi oleh kerajaan.

"Pihak kerajaan telah sekian lama berkorban dalam menyediakan pemberian subsidi kepada mereka dan apa yang perlu sekarang supaya mereka faham dengan tekanan ekonomi yang dihadapi oleh negara masa kini," ujarnya.

Perdana Menteri berada di sini dalam siri lawatan ke semua negeri di seluruh negara untuk memberi penjelasan sebenar kepada pihak-pihak tertentu mengenai masalah kewangan negara sekarang.

Petang ini, beliau mengadakan dua perjumpaan termasuk dengan ketua-ketua pejabat dan pegawai - pegawai kanan kerajaan negeri dan Persekutuan di bilik mesyuarat pejabat setiausaha kerajaan dan kemudian dengan para pemimpin parti - parti komponen Barisan Nasional di rumah tetamu di sini.

Satu lagi perjumpaan diadakan malam ini dengan pemimpin cawangan - cawangan UMNO dari kedua bahagian Kangar dan Arau di rumah tetamu sebelum beliau bertolak ke Alur Setar untuk membuat lawatan rasmi sehari ke Kedah esok dan Jumaat ini bertolak pula ke Terengganu.

## Tempoh bayar balik mungkin dilanjut

UM 30 OCT 1990

Datuk Sri Dr. Mahathir percaya kenaikan kadar faedah pinjaman tersebut tidak akan membebankan kakitangannya dalam membuat pembayaran balik kerana satu dari syarat yang ditetapkan bagi setiap peminjam mesti berusia lebih 35 tahun yang bermakna mereka sudah mempunyai kemampuan untuk membayar balik.

Bagaimanapun, jelas Perdana Menteri, soal beban membayar balik hutang oleh kakitangan kerajaan bukan menjadi beban kerajaan jika seseorang kakitangan terlibat terlalu banyak berbelanja semata-mata untuk mendapatkan berbagai jenis barang mewah seperti peti TV, peti sejuk dan seumpamanya.

Mengenai cadangan menyekat kenaikan gaji selama tiga tahun oleh kerajaan untuk kakitangannya baru-baru ini beliau berkata ia merupakan suatu kemungkinan dan ini memerlukan penerimaan secara sukarela oleh rakyat.

Perdana Menteri juga memuji langkah Kerajaan Negeri Perlis yang merupakan negeri contoh dalam menjimatkan belanja apabila menggunakan kereta Proton Saga sebagai kereta rasminya dan ini amat bersesuaian memandangkan pendapatan Perlis yang terhad.

Bagaimanapun, beliau tidak dapat menyatakan sebarang pandangan kepada negeri - negeri lain kerana setiap belanja sama ada untuk berjimat atau sebaliknya bergantung kepada budi bicara pihak pentadbir kerajaan - kerajaan negeri sendiri.

Bagaimanapun tegasnya, keadaan sedemikian tidak dirasai oleh pihak Kerajaan Pusat kerana banyak hasil jualan negara menurun termasuk perusahaan mengeluarkan kereta Proton Saga yang kini turut terjejas.

Perdana Menteri bagaimanapun berkata, keadaan demikian bukan satu perkara yang harus dibimbangkan, kerana munculnya perusahaan kereta nasional itu semasa dunia sedang menghadapi kemelesetan ekonomi dan dengan demikian jualanannya juga terjejas.

Malah, tambah beliau, keadaan lebih buruk telah berlaku kepada pengusaha - pengusaha kereta terkemuka lain di dunia seperti di England sendiri yang bukan sahaja terpaksa mengurangkan pengeluarannya, tetapi ada yang ditutup kerana kurang pasaran walaupun mereka wujud semasa zaman yang tidak meleset.

Datuk Sri Dr. Mahathir membidas sikap setengah majalah luar yang sengaja menimbulkan laporan - laporan kontra semata-mata mahu menghilangkan kepercayaan rakyat Malaysia terhadap pemimpin mereka.